

23/06/1998

Ucapan Rafidah tiada unsur paksaan

MENTERI Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, semalam menolak andaian beliau menghadapi tekanan untuk terpaksa bercakap mengenai krisis kewangan yang melanda rantau ini di mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang sedang berlangsung di Kuching.

Katanya, kenyataan beliau yang terkandung dalam ucapan pembukaan selaku pengerusi mesyuarat peringkat menteri itu dibuat berasaskan kepada perasaan Malaysia serta beberapa negara lain.

"Apec tidak seharusnya berhenti berfungsi dan perlu bertindak untuk membebaskan rantau serta negara anggota daripada belenggu kegawatan," katanya pada sidang akhbar hari pertama mesyuarat itu, semalam.

Beliau ditanya media asing sama ada ucapannya itu atas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang lantang bersuara mengenai tindak-tanduk asing bagi menekan ekonomi rantau ini.

Dalam ucapan itu, Rafidah antara lain menekankan bahawa Menteri Apec yang bertanggungjawab mengenai perdagangan tidak boleh mengabaikan apa yang berlaku di rantau ini serta bersikap pasif atau sebagai penonton kerana kesan kegawatan ekonomi akan menjejaskan mereka secara langsung atau tidak langsung.

Pada sidang akhbar itu, beliau berkata sesetengah negara anggota Apec yang belum menghadapi kegawatan, lama-kelamaan akan merasainya.

"Ini kerana kita (negara anggota Apec) mempunyai hubungan ekonomi, saling bergantung menerusi rantaian perdagangan dan pelaburan.

"Ketidakupayaan kita untuk mengimport, pasti akan menjejaskan rakan dagangan dalam Apec.

"Itu sebabnya saya menekankan soal ini dalam kenyataan pendek (dalam ucapan).

"Kita harus ingat, walaupun kita bercakap mengenai rantau Asia Pasifik bahawa satu bahagian rantau menjadi mangsa krisis kewangan, maka bahagian lain yang belum terjejas harus ambil perhatian dan secara bersama berusaha berbuat sesuatu yang boleh sama ada secara langsung atau tidak ke arah pemulihan.

"Mungkin proses Apec tidak dapat membuatnya secara langsung tetapi kita dapat bersama, dalam forum lain.

"Atau kita boleh adakannya menerusi program Apec, adakan langkah pembinaan keupayaan bagi membolehkan negara terjejas untuk mempunyai keupayaan lebih bagi membebaskan diri daripada belenggu kegawatan ini, lebih cepat," katanya.

Oleh itu, kata beliau, perkara yang dibangkitkannya itu tiada kena-mengena dengan tekanan sambil menasihatkan media asing jangan berfikiran negatif dan syak wasangka.

Katanya, semua orang bercakap mengenai krisis kewangan dan soal Pelan Tindakan Bersama (CAP) dan Pelan Tindakan Individu (IAP), biasanya merujuk kepada kegawatan itu.

"Semua orang sedar. Jika ia tidak menjejaskan mereka sekarang, ia akan menjejaskan mereka kemudiannya, bukan sesuatu yang harus diketepikan," katanya.

Setakat ini separuh daripada 18 negara anggota Apec termasuk Malaysia terjejas oleh kegawatan ekonomi.

Antara anggota yang belum atau tidak terjejas ialah Amerika Syarikat, Kanada, Chile, Australia dan Mexico.

Mengenai agenda untuk dibincangkan pada mesyuarat hari ini, Rafidah

berkata antaranya ialah soal Pembukaan Awal Sektor Tertentu Secara Sukarela (EVSL) serta Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).  
(END)